

01/07/2002

Perwakilan Umno turun padang jelas isu

KANGAR, Ahad - Perwakilan Umno yang menghadiri perhimpunan agung parti di Kuala Lumpur perlu membantu jentera pilihan raya Barisan Nasional (BN) di Parlimen Pendang dan Dewan Undangan Negeri (DUN) Anak Bukit, Kedah bagi menerangkan isu semasa kepada orang ramai.

Ketua Penerangan Umno, Tan Sri Megat Junid Megat Ayob, berkata ini kerana pelbagai isu pendidikan, termasuk kuota bukan Bumiputera, meritokrasi, subsidi dan penggunaan bahasa Inggeris dalam mata pelajaran Sains dan Matematik sudah dijawab dan disokong pada perhimpunan itu.

Katanya, menjadi tugas perwakilan untuk 'turun padang' membantu menerangkan rasional tindakan kerajaan berhubung isu itu yang dijangka digunakan pembangkang bagi meraih simpati pengundi.

"Itu tugas perwakilan supaya menerangkan kepada ahli akar umbi kerana semuanya sudah dijawab pada perhimpunan agung," katanya kepada pemberita selepas bermesyuarat dengan ahli jawatankuasa Biro Penerangan Umno Perlis, di sini, malam semalam.

Turut hadir Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim.

Beliau diminta mengulas persediaan jentera penerangan Umno menangani kemungkinan manipulasi isu berkaitan Melayu, terutama pendidikan oleh pembangkang ketika kempen.

Megat Junid berkata, Umno tidak menganggap perkara berkenaan sebagai isu kerana ia dilakukan dengan niat orang Melayu mampu bersaing dengan kaum lain dalam pendidikan.

"Umno tidak risau dengan isu berkenaan (pendidikan) dan kita juga sudah menyenaraikan pelbagai perkara yang mungkin dijadikan isu oleh pembangkang ketika berkempen kelak.

"Kita mahu Melayu bukan saja mempunyai kuasa memerintah tetapi juga mempunyai daya saing dengan kaum lain," katanya.

Secara amnya, beliau berkata, ahli Umno memahami rasional tindakan kerajaan itu dan ia disahkan ketika perhimpunan agung itu.

Mengenai kemungkinan isu peletakan jawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dimainkan pembangkang, beliau berkata:

"Dr Mahathir masih lagi Perdana menteri dan isu itu terlalu awal untuk dimainkan. Bagi Umno ia bukan isu tetapi lebih kepada penghargaan rakyat kepada Perdana Menteri. Kita akan terangkan kepada rakyat dan mereka akan faham."

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menetapkan 10 Julai ini sebagai hari penamaan calon bagi kedua-dua pilihan raya kecil itu manakala 18 Julai adalah hari mengundi.